

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 27 JUN 2013, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 4

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1311-L54618
Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan Pembangunan Pendidikan yang dirangka oleh Kementerian Pelajaran Malaysia hanya mengambil kira pembangunan pendidikan bagi sistem sekolah. Memandangkan penggabungan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran menjadi Kementerian Pendidikan, adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji dan memperhalusi Pelan Pembangunan Pendidikan untuk mengambil kira kesinambungan pendidikan di peringkat pengajian tinggi.
2. PR-1311-L54269
Tuan Charles Anthony a/l R. Santiago [Klang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status kini mengenai perbincangan FTA di antara Malaysia dengan negara-negara TPPA. Bolehkah Kerajaan menjamin bahawa kedaulatan negara akan terjamin memandangkan bab pelaburan memberi peluang kepada firma MNC untuk membawa ses sebuah Kerajaan ke Tribunal timbang tara antarabangsa.
3. PR-1311-L54884
Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah Kerajaan telah memperjelaskan kepada rakyat jika Kerajaan bercadang mengenakan kadar tujuh peratus Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bagi meyakinkan rakyat supaya menerima kaedah percukaian itu.
4. PR-1311-L53795
Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha-usaha yang telah diambil untuk mengawal peningkatan harga rumah kediaman di kawasan bandar.

5. PR-1311-L54317

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah agaknya laporan dan rekomendasi daripada Suruhanjaya Siasatan DiRaja (RCI) mengenai dengan masalah berkaitan dengan kehadiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negeri Sabah akan selesai dan dibentangkan dalam Parlimen.

6. PR-1311-L53420

Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan sedar hampir semua Pusat Hemodialisis sekarang ini dikenakan syarat oleh Malaysia Society of Nephrology (MSN) supaya 'person in charge (PIC)' mesti dari kalangan Doktor Pakar Perubatan Penyakit Dalaman (*internal medicine*), sedangkan syarat tersebut tidak wujud dalam mana-mana peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

7. PR-1311-L54349

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan mengenai usaha untuk menyemarakkan orang muda supaya menyertai Badan Bukan Kerajaan atau Pertubuhan Belia kerana lebih daripada 60 peratus penduduk negara ini terdiri daripada mereka berumur 40 tahun ke bawah. Untuk tujuan itu, berapakah peruntukan yang disediakan Kerajaan semenjak tahun 2008 - 2012.

8. PR-1311-L54274

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan di mana tapak pelupusan sisa radioaktif Lynas akan ditempatkan. Lebih-lebih lagi, apabila Nicholas Curtis, penggerusi Syarikat Lynas berkata tidak ada peruntukan untuk membawa sisa-sisa Lynas ke luar negara sebelum ini.

9. PR-1311-L54736

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan :-

- (a) apakah pelan menyeluruh penstrukturkan kadar tarif elektrik dalam masa 5 tahun ini; dan
- (b) adakah Kerajaan akan membuat semakan terhadap tarif elektrik terkini bagi mengurangkan beban rakyat

10. PR-1311-L54253

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan dengan terperinci jenis-jenis subsidi untuk semua produk pertanian, insentif jaminan harga pertanian, insentif bencana alam serta insentif penyelidikan dan pembangunan pertanian dari tahun 2011 hingga sekarang.

11. PR-1311-L53601
Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan perancangan Kerajaan dalam menggalakkan penubuhan dan pemerkasaan koperasi sebagai rangsangan menceburi perniagaan berpotensi di luar bandar dan berapakah jumlah penubuhan koperasi semenjak program satu komuniti satu koperasi dilancarkan.
12. PR-1311-L53517
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendirian Kementerian tentang penggunaan minyak masak politaktepu. Banyak kajian saintifik menunjukkan bahaya minyak politaktepu pada kesihatan terutamanya kaitan minyak tersebut dengan keradangan kronik. Mengapakah Kementerian masih mengesyorkan pesakit menggunakan minyak politaktepu.
13. PR-1311-L54353
Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kaedah pembayaran balik yang diguna pakai oleh pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ke atas peminjam, dan mohon pihak Kementerian memperincikan kaedah pembayaran balik tersebut.
14. PR-1311-L54592
Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa ramai dari pemilik teksi yang memohon dan layak mendapat rebat apabila menggantikan teksi seperti pengumuman Bajet 2013 telah menerima bayaran rebat. Kenapa berlaku kelewatan dan bilakah kesemua bayaran rebat akan dilangsaikan.
15. PR-1311-L53343
Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah pelaksanaan lampu jalan kampung (tambahan) di kawasan luar bandar dijalankan.
16. PR-1311-L54090
Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan SK, SJKC, SJKT yang dibina di bawah RMK-8, RMK-9 dan RMK-10.
17. PR-1311-L53463
Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah penyambungan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dari Kuala Medalam ke Melaban akan dilaksanakan.
18. PR-1311-L54560
Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk meningkatkan kesedaran dan komitmen anggota polis mengenai hak asasi manusia memandangkan peningkatan kes penindasan hak asasi manusia di kalangan anggota polis semakin meningkat tanpa dikawal dan diselia.

19. PR-1311-L54206
Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan bercadang untuk menggantikan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) yang telah berusia lebih 30 tahun dengan kompleks yang baru terutamanya di kawasan pertambahan penduduk yang pesat serta di kawasan-kawasan pelancongan.
20. PR-1311-L54474
Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
 - (a) apakah perkembangan pembinaan UpTown Muar dan adakah pembinaan sudah dibatalkan; dan
 - (b) berapakah pampasan telah dibagi pada kontraktor jika dibatalkan.
21. PR-1311-L54387
Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah dasar Kerajaan terhadap pembelian diesel oleh syarikat-syarikat sub kontraktor Petronas dan dialog di kawasan Parlimen Pengerang khususnya di kawasan Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID), ini kerana terdapat banyak aduan kekurangan diesel yang sepatutnya diberi keutamaan pembelian kepada nelayan, peniaga dan juga penduduk tempatan.
22. PR-1311-L53559
Tuan Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah nisbah polis kepada penduduk di semua kawasan dalam persempadan kawasan Parlimen Kampar.
23. PR-1311-L53987
Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri-Negeri (USPTN) setakat ini. Apakah unit ini benar-benar diperkasakan dengan peruntukan bersesuaian untuk merealisasikan kecemerlangan sukan di peringkat akar umbi.
24. PR-1311-L54159
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meneliti semula Dasar Pembangunan Belia Negara demi pembangunan belia yang holistik.
25. PR-1311-L54755
Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan dasar Kerajaan untuk membangunkan industri sukan negara supaya ianya lebih komersial dan tidak bergantung kepada dana Kerajaan.

26. PR-1311-L53758
Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah perlaksanaan meletakkan SPR di bawah pengawasan Parlimen.
27. PR-1311-L53679
Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam konteks Malaysia, apakah Kerajaan (*simple majority*) dianggap lemah dan boleh menjelaskan perpaduan, mengurangkan kemasukan pelabur asing serta usaha menjadikan Malaysia negara maju. Apakah yang akan dilakukan dalam memastikan imej negara Malaysia bertambah kukuh selepas PRU 13.
28. PR-1311-L53979
Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pelan tindakan Kementerian untuk memastikan jumlah perwakilan wanita meningkat di dalam Dewan Undangan Negeri dan Dewan Rakyat.
29. PR-1311-L53059
Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan struktur organisasi Kementerian selepas KPM bergabung semula dengan KPT. Bagaimanakah kedudukan 2 Ketua Setiausaha dan 2 Ketua Pengarah yang sedia ada selepas penggabungan Kementerian lama.
30. PR-1311-L54321
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kontrak yang berdasarkan *Risk Service Contract (RSC)* yang dikeluar dan diluluskan oleh Petronas dan senaraikan nama syarikat tempatan mengikut pecahan Bumiputera dan bukan Bumiputera yang telah dianugerahkan kontrak tersebut.
31. PR-1311-L54869
Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pakaian yang dipakai oleh AirAsia yang kelihatan seksi dan tidak mencerminkan identiti pakaian Nasional Negara Malaysia. Apakah tidak ada garis panduan pakaian yang dikenakan kepada syarikat yang mendapat lesen dari Kerajaan Malaysia.
32. PR-1311-L54692
Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan PATI yang telah diputihkan melalui Program 6P yang lalu mengikut negara sumber, sektor dan negeri.
33. PR-1311-L54502
Dato' Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menangani isu ketidakseimbangan kaum di bandar-bandar. Ketidakseimbangan demografi ini jika tidak ditangani akan membawa kepada masalah sosial.

34. PR-1311-L53804
Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan jumlah kapasiti kuasa biogas, biomass, biomass (*sold waste*), solar (bukan individu >kW), bukan individu (=<500kw) dan individu yang telah dipasang untuk tahun 2012 dan sama ada sasaran SEDA untuk tahun 2012 telah dicapai.
35. PR-1311-L54747
Dr. Ismail bin Daut [Merbok] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berkaitan dengan pelaksanaan sebuah Kawasan Rekreasi Pelancongan Antarabangsa Terbesar di negeri Kedah yang dikenali sebagai International Resort City Kerjasama Syarikat dari Qatar Major Entrepreneur yang meliputi pembinaan Taman Tema Air, Padang Golf, Taman Buah-Buahan dan mungkin kereta kabel sepanjang 7km dari Tupah ke Puncak Gunung Jerai.
36. PR-1311-L54287
Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak JAKIM untuk memastikan status halal dalam bidang farmaseutikal di Malaysia.
37. PR-1311-L54608
Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jumlah dan nama penyedia rangkaian internet di Langkawi memandangkan Langkawi memerlukan rangkaian internet jalur lebar yang berkelajuan tinggi sesuai dengan wawasan untuk menjadikan Langkawi sebagai salah satu daripada 10 destinasi pelancongan tersohor dunia, selaras dengan matlamat "blue print" pelancongan Langkawi yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini.
38. PR-1311-L53916
Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pecahan butir-butir kos secara terperinci untuk mengendalikan Pilihan Raya Umum ke-13 oleh Suruhanjaya Pilihanraya dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat secara langsung seperti pihak polis, Jabatan Penerangan dan lain-lain.
39. PR-1311-L53741
Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan inisiatif Kerajaan untuk mengatasi masalah kelemahan struktur ekonomi negara yang banyak bergantung kepada permintaan/pasaran luar disebabkan oleh pasaran domestik yang kecil, manakala negara sedang mengalami defisit perdagangan yang berterusan dan ia juga boleh menjejaskan Wawasan Negara 2020 ke arah untuk menjadikan negara berpendapatan tinggi.

40. PR-1311-L53126
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kenapa projek melebarkan jalanraya daripada Kampong Acheh, Sitiawan ke Simpang Taiping bernilai RM600 juta yang telah diumumkan oleh Menteri Pengangkutan 5 tahun yang lepas masih belum dimulakan.
41. PR-1311-L54778
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian mengambil langkah mengurangkan beban guru untuk mengemas kini data dalam Sistem Penilaian Sekolah yang baru. Tambahan tugas ini memberi kesan kepada tugas utama guru iaitu pengajaran dan pembelajaran.
42. PR-1311-L54046
Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan serta meringankan beban kehidupan harian rakyat.
43. PR-1311-L53267
Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :
- (a) kenapa kebanyakannya prestasi sukan merosot, apakah ia berpunca daripada kelemahan pengurusan, perancangan dan sebagainya; dan
 - (b) usaha Kementerian meningkatkan semula prestasi sukan badminton, sepak takraw, bola sepak yang suatu ketika dulu Malaysia adalah antara negara yang digeruni.
44. PR-1311-L54805
Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah terdapat perancangan untuk memperkasakan peranan ulama sebagai Penasihat Umara, seterusnya me-'arus perdana'-kan peranan ulama-ulama mu'tabar.
45. PR-1311-L53263
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) statistik jumlah saman yang telah dikeluarkan terhadap kenderaan daripada luar negara seperti Singapura, Brunei, Thailand dan Kalimantan Indonesia yang melakukan kesalahan jalan raya di Malaysia; dan
 - (b) berapakah jumlah saman yang berjaya dikutip dan belum dibayar oleh pesalah sejak tahun 2008 sehingga 2012.

46. PR-1311-L53794
Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jenis-jenis peruntukan untuk Kerajaan Negeri Kelantan yang disalurkan melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Negeri Kelantan, sejak ditubuhkan hingga kini dan berapakah jumlahnya.
47. PR-1311-L53897
Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelaksanaan menyediakan kemudahan rangkaian telekomunikasi 4G melalui 1BestariNet dan persekitaran maya (VLE) membabitkan lebih 10,000 sekolah rendah dan menengah di seluruh negara menjelang akhir tahun 2013 ini.
48. PR-1311-L53504
Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai jumlah GLC yang dilaporkan mengalami kerugian tahunan dari tahun 2010 sehingga kini. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memantau pentadbiran GLC yang mengalami kerugian ini.
49. PR-1311-L53505
Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kementerian akan menambah kakitangan serta mesin berat Kementerian di peringkat daerah untuk mengatasi masalah penyelenggaraan jalan dan infrastruktur lain di peringkat akar umbi.
50. PR-1311-L53190
Tuan Ng Wei Aik [Tanjung] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab tawaran Kerajaan Negeri Pulau Pinang ditolak untuk membayar RM10 juta setahun supaya perkhidmatan bas percuma dibekalkan oleh Rapid Penang di seluruh negeri pada waktu puncak dan nyatakan juga sama ada 200 bas yang baru telah disampaikan ke Pulau Pinang.
51. PR-1311-L54441
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan rasional pihak Kementerian bersetuju dengan klausa '*investor to state dispute settlement*' (*ISDS*) di bawah '*Trans Pacific Partnership Agreement*' (*TPPA*) yang membenarkan pelabur asing mencabar sebarang keputusan Kerajaan jika keputusan tersebut memberi kesan terhadap pelaburan atau keuntungan mereka.
52. PR-1311-L53116
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian yang bersetuju untuk memperkecilkan projek pembakaran sampah (*incinerator*) dan tempat pelupusan sampah di Wilayah Telok Chempedak, Mukim Lumut, Pulau Pangkor untuk membolehkan sebahagian tanah diluluskan kepada Limbungan Pangkor Mas Sdn Bhd.

53. PR-1311-L54308
Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab mengapa perlu menggandakan bilangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri daripada empat kepada lapan dan beliau kekal di Kementerian Kewangan sedangkan sepatutnya terdapat Kabinet yang bersih dan tidak membazir.
54. PR-1311-L53486
Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah orang (*activist*) yang sudah ditangkap dan disiasat atas kegiatan mereka yang menghasut rakyat untuk membantah keputusan PRU-13. Apakah undang-undang yang sedia ada dan tindakan Kerajaan dalam mengatasi masalah ini.
55. PR-1311-L53153
Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian akan mengambil tindakan ke atas premis perniagaan yang dijadikan pusat perjudian (mesin judi) secara haram dan tanpa lesen di mana pelanggan-pelanggannya terdiri daripada anak-anak muda dan lepasan sekolah.
56. PR-1311-L53768
Tuan Masir Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian telah membuat kajian bagi menyediakan bekalan elektrik alternatif di kawasan luar bandar seperti di Sri Aman.
57. PR-1311-L53778
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan isu sebenar yang melatari kes penggantungan bekas ketua jurulatih olahraga kebangsaan dan enam atlet pecut negara baru-baru ini.
58. PR-1311-L54855
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan orang yang telah pun dibebaskan daripada tahanan setelah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Ordinan Darurat dimansuhkan. Apakah tindakan untuk terus memantau kegiatan mereka selepas daripada itu.
59. PR-1311-L53786
Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bila pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Berchang, Kuala Lipis akan dimulakan.
60. PR-1311-L53915
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah kes keganasan rumah tangga dan kes penderaan kanak-kanak sejak 2008 dan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menangani masalah tersebut.

61. PR-1311-L53824
Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak polis telah menyiasat pendedahan Peguam Americk Singh Sidhu pada 16 Mac 2013 di Mesyuarat Agung Majlis Peguam yang menyatakan Peguam Cecil Abraham mengakui kepada Americk bahawa Perdana Menteri telah meminta beliau menyediakan Akuan Bersumpah palsu mendiang P. Balasubramaniam.
62. PR-1311-L53408
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan berhubung bantahan penduduk-penduduk Pangsapuri Le Chateau, Lorong Syed Putra Kiri, Kuala Lumpur terhadap projek JAKIM untuk membina penempatan pemulihan dadah/HIV di tepi pangsapuri mereka yang dianggap tidak sesuai daripada segi kesesakan, gangguan dan persekitaran.
63. PR-1311-L53466
Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh mana usaha Kementerian dalam meningkatkan mutu perkhidmatan Internet di Sabah kerana perkhidmatan broadband 3G hanya dapat dinikmati di beberapa kawasan bandar utama sahaja. Di Sepanggar misalnya, perkhidmatan 3G sangat lemah walaupun berada dalam bandaraya Kota Kinabalu.
64. PR-1311-L54813
Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah kos pembinaan lebuh raya pesisir pantai Tuaran-Kudat seperti yang dijanjikan sewaktu beliau mengadakan jelajah janji ditepati pada 14 Oktober 2012 di bandar Kudat. Bilakah projek ini akan dimulakan. Adakah lebuh raya ini mempunyai empat lorong.
65. PR-1311-L54703
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan :-
- (a) senarai syarikat yang telah ditawarkan kuota "Feed-in Tariff" (FiT) tanpa melampirkan bukti kemampuan kewangan sebanyak kos 20% pelaburan yang diperlukan seperti yang diwajibkan dalam borang permohonan; dan
 - (b) senarai syarikat di mana kelulusan FiT telah ditarik balik kerana tidak memenuhi syarat.
66. PR-1311-L54790
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan fungsi dan jawatankuasa di bawah setiap Menteri dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

67. PR-1311-L53095
Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan hasil kegagalan projek NFC dan setakat ini berapakah bayaran ganti rugi yang telah dikembalikan kepada Kerajaan oleh pihak yang terbabit.
68. PR-1311-L53464
Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah polisi rasmi Kerajaan tentang pengawasan-pengawasan kerja di tapak projek yang dikendalikan oleh perunding swasta dipantau oleh wakil perunding swasta atau Kerajaan.
69. PR-1311-L53231
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentang sambutan dan prestasi Sistem Modulan Tingkatan Enam pada tahun 2012:-
- (a) untuk tahun 2013, berapa orang pelajar telah dipilih menyertai sistem ini dan berikan angka mengikut setiap negeri; dan
 - (b) setakat ini terdapat berapa orang pelajar telah melapur diri.
70. PR-1311-L53388
Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah hospital baru daerah Dungun akan dimulakan pembinaan dan bilakah jangkaan operasi sepenuhnya.
71. PR-1311-L54243
Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan mengapakah Kerajaan Persekutuan enggan menggunakan saham emas di dalam Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) yang sehingga kini menolak usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk menstruktur semula industri air negeri seperti termaktub dalam Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA).
72. PR-1311-L53693
Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan inisiatif dari segi logistik serta perbelanjaan untuk pemindahan Depot Imigresen Juru serta nyatakan tempoh masa kerja bagi pemindahan tersebut yang telah dijanjikan oleh YAB. Perdana Menteri sendiri dalam kempen Pilihan Raya Umum Ke-13 ini dan dalam laporan The Star bertarikh 1 Mei 2013.
73. PR-1311-L53889
Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha yang diambil dalam membantu para belia khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman menerima peluang dan skim-skim latihan yang dilaksanakan untuk memastikan mereka ini tidak ketinggalan serta mampu berdikari bersumberkan kemahiran yang diperolehi menerusi pelaksanaan program tersebut.

74. PR-1311-L53812
Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salahlaku Polis (IPCMC) sepetimana yang telah disyorkan oleh Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia pada tahun 2005 untuk mencegah salah-laku PDRM seperti kes-kes kematian tahanan lokap.
75. PR-1311-L53361
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai 1500 pelajar India yang berjaya mendapat kursus matrikulasi tahun ini (2013) dengan butiran nama, pencapaian SPM dan sekolah semasa di tingkatan lima.
76. PR-1311-L54637
Datuk Chua Tee Yong [Labis] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah projek menaik taraf / membaik pulih Jalan Yong Peng menghala ke Segamat akan dilaksanakan pada tahun 2013 dan 2014. Berapakah jumlah peruntukan yang diluluskan.
77. PR-1311-L53535
Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) berapakah kos dan apakah faedah yang diperolehi oleh Kerajaan dengan pemajuan dan pembangunan tapak IPD lama di Raub; dan
 - (b) apakah faedah kepada penduduk Raub dengan pemajuan projek ini.
78. PR-1311-L53332
Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjung Malim] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai perancangan untuk mengantikan Sijil Tinggi Persekolahan dengan Peperiksaan Matrikulasi supaya syarat untuk pengambilan mahasiswa ke universiti tempatan dapat diselaraskan.
79. PR-1311-L53719
Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad [Mersing] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk menurunkan harga kenderaan sebagaimana yang dijanjikan oleh Kerajaan semasa Pilihan Raya yang lalu.
80. PR-1311-L53561
Tuan Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hutang negara sebagai jumlah dan peratus GDP yang dijangka pada tahun 2018.

81. PR-1311-L53634
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja asing yang telah dibawa masuk ke dalam negara ini sehingga Jun 2013 dan sektor mana yang dibenarkan mereka bekerja.
82. PR-1311-L54893
Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan menyedari banyak longgokan kes-kes tertunggak dalam pembayaran yuran ikhtisas perunding bagi projek-projek Kerajaan. Nyatakan langkah-langkah drastik dan pragmatik yang diambil oleh Kerajaan dan Kementerian terlibat supaya perkara ini dapat diselesaikan secepat mungkin.
83. PR-1311-L54927
Laksamana Pertama (B) Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa banyakkah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) bagi orang-orang kurang upaya (OKU) dibuka di kawasan Parlimen Lumut (Manjung) dan berapakah peruntukan yang disediakan setiap tahun bagi menampung kos pengoperasian semua PDK tersebut.
84. PR-1311-L54982
Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian dapat memperuntukkan dana untuk membantu rakyat yang tidak mampu atau berpendapatan rendah untuk membuat bayaran sambungan elektrik ke rumah kampung persendirian, rumah PPRT, rumah PBR dan rumah panjang di negeri Sarawak.
85. PR-1311-L53583
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cara pemansuhan Akta Hasutan dan digantikan dengan Akta Keharmonian Nasional akan meliberalisasikan kebebasan perlembagaan bersuara dan sebab-sebab kes-kes hasutan yang sementara menunggu perbicaraan tidak ditarik balik dan kes-kes baru difailkan sementara menunggu pemansuhannya.
86. PR-1311-L53097
Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :
- (a) jumlah dana yang disediakan bagi bantuan sagu hati khas kepada bekas polis di seluruh negara; dan
 - (b) berapa ramaikah yang telah menerima dan berapakah ramaikah yang belum menerima dan bila dijangka pembayaran selesai dibuat.

87. PR-1311-L55015
Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan obesiti merupakan masalah besar Malaysia yang semakin meruncing yang boleh menyebabkan pelbagai penyakit kronik yang bakal melumpuhkan ekonomi jangka panjang. Apakah langkah-langkah serius dan komitmen konsisten Kerajaan untuk menurunkan kadar obesiti di Malaysia.
88. PR-1311-L54962
Tuan Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan perancangan dan inisiatif Kerajaan dalam membina kefahaman dan ketaatan rakyat kepada Perlembagaan Negara.
89. PR-1311-L54461
Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah program pembinaan rumah mampu milik akan dilaksanakan di Kawasan Parlimen Bakri dan Muar:
- (a) jika ya, senaraikan lokasinya, unit akan dibina dan harga anggaran untuk satu unit; dan
 - (b) jika tidak, mengapa.
90. PR-1311-L54915
Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah projek menaik taraf Jalan Meligan ke Long Pasia dapat dimulakan, untuk menjana ekonomi berdasarkan pelancongan, perladangan dan penternakan.
91. PR-1311-L55018
Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah bilangan unit rumah mampu milik, rumah kos rendah dan rumah kos sederhana yang akan dibina dan yang telah dibina oleh Agensi Persekutuan di Sarawak khususnya di bandar-bandar seperti Miri, Bintulu, Sibu dan Kuching bagi tempoh 2008, 2009, 2010, 2011, 2012 dan sehingga Mei 2013. Nyatakan juga tempat projek tersebut yang akan dilaksanakan dan yang telah dilaksanakan.
92. PR-1311-L53560
Tuan Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jika terdapat apa-apa rancangan untuk menubuhkan balai polis baru di dalam persempadanan kawasan Parlimen Kampar dan jika ada, senaraikan tapak-tapak yang akan dilaksanakan dalam masa 2 tahun yang akan datang.
93. PR-1311-L53115
Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bilakah Kedutaan Malaysia di Palestin akan dibuka.

94. PR-1311-L55021

Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah serta usaha Kementerian untuk mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersepadu (Unified Examinations Certificate - UEC), yang dikeluarkan oleh Sekolah Bebas Cina, yang sudah diterima di peringkat global.

95. PR-1311-L53088

Tuan Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang telah diiktiraf sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dan nyatakan adakah Kementerian membuat penilaian khas bagi SABK yang menjalankan pengajian tahliz seperti Sekolah Menengah Imtiaz di Terengganu.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] dan masalah dicadangkan :-**

“ Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“ Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketiga Belas.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (26 Jun, 2013)

- | | | | |
|----|---------------|---|-----------------------------------|
| 2. | (D.R. 1/2013) | Rang Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2013 | Bacaan Kali
Yang Kedua |
|----|---------------|---|-----------------------------------|
- [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]**
- | | | | |
|----|---------------|---|---|
| 3. | (D.R. 3/2013) | Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2013 | “ |
|----|---------------|---|---|
- [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]**
- | | | | |
|----|---------------|--|---|
| 4. | (D.R. 2/2013) | Rang Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2013 | “ |
|----|---------------|--|---|
- [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]**
- | | | | |
|----|----------------|--|--|
| 5. | PR-1311-U53624 | | |
|----|----------------|--|--|
- Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-**

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa adalah menjadi pengetahuan umum bahawa ramai warga asing di negeri Sabah telah diberikan kewarganegaraan dengan berstatuskan Bumiputera di negeri Sabah, dengan pemberian kad pengenalan Malaysia. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menangani masalah pemberian kad pengenalan Malaysia kepada warga asing, beberapa orang saksi telah memberikan keterangan bahawa memang terdapat usaha beberapa individu untuk memberikan warga asing kad pengenalan Malaysia dan seterusnya mendaftarkan mereka sebagai pemilih.

Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja, Suruhanjaya juga diberitahu bahawa terdapat juga individu yang mengambil kesempatan untuk menjual kad pengenalan kepada warga asing. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dihabarkan bahawa jumlah warga asing yang telah diberikan kerakyatan telah melepas tiga kali ganda jumlah penduduk asal negeri ini. Dan Dewan ini juga mengambil maklum bahawa kehadiran "warganegara Malaysia baru ini" telah banyak menimbulkan masalah sosial, kesihatan, ekonomi dan keselamatan. Maka, bagi menangani masalah ini, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, gerakan penukaran kad pengenalan baru haruslah dijalankan di negeri Sabah dan setiap permohonan kad pengenalan baru ini hendaklah disokong dengan sijil kelahiran pemohon dan juga ibu bapa pemohon. Dewan ini juga haruslah memutuskan bahawa latar belakang pemohon yang menggunakan sijil pendaftaran lewat kelahiran atau surat akuan hendaklah diteliti rapi agar tidak terdapat unsur-unsur penipuan pendaftaran. Abjad "H" dan angka "12" juga haruslah dimasukkan dalam kad pengenalan yang dikeluarkan bagi rakyat Sabah."

(Menteri Dalam Negeri)

6. PR-1311-U53641

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

" Dewan ini mengambil maklum bahawa, sebagaimana yang telah diumumkan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, satu gerakan persempadan semula kawasan pilihan raya di seluruh negara akan dijalankan dalam tempoh terdekat. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa pada masa ini daripada 222 kerusi Parlimen yang ada, hanya 56 kerusi sahaja diperuntukkan bagi Negeri-negeri Borneo (Sarawak 31 dan Sabah 25) dan selebihnya 166 kerusi diperuntukkan kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa tanah Semenanjung Malaysia berkeluasan seluas 131,598 kilometer persegi diperuntukkan sebanyak 166 kerusi (75%) sementara Sarawak dan Sabah dengan keluasan 198,081 kilometer persegi hanya diperuntukkan hanya 56 kerusi(25%). Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa dengan kedudukan geografi dan bentuk muka bumi negeri Sarawak dan Sabah, pengurusan dan pentadbiran di kedua-dua negeri ini agak terbantut, sama ada dari segi suara di Parlimen mahu pun dana yang diperoleh melalui Ahli Parlimen. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa bersandarkan kepada polisi dan semangat Perjanjian Malaysia, Negeri Borneo ini (Sarawak dan Sabah) hendaklah memiliki 1/3 atau sekurang-kurangnya 77 kerusi Parlimen. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa dalam gerakan persempadan semula kawasan pilihan raya yang bakal dijalankan nanti, Negeri Sarawak dan Sabah hendaklah diperuntukkan 1/3 kerusi Parlimen yang bakal dibentuk kelak."

(Perdana Menteri)

7. PR-1311-U53665

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, bahasa memainkan peranan penting dalam berkomunikasi sama ada, ketika belajar, ketika bekerja atau ketika beriadah. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa kebolehan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa membolehkan rakyat Malaysia berinteraksi dengan baik sama ada dalam negara mahu pun di peringkat global. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, dalam merangka pelan pendidikan negara, Kerajaan hendaklah mewajibkan semua murid di Sekolah Jenis Kebangsaan mengambil mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Inggeris sebagai mata pelajaran wajib sementara di sekolah kebangsaan pula, murid hendaklah mengambil mata pelajaran bahasa pilihan, sama ada bahasa ibunda, Tamil, cina dan lain-lain bahasa."

(Menteri Pendidikan)

8. PR-1311-U53673

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, isu Borneonisasi amat dekat di hati rakyat Negeri Sabah dan Sarawak. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak juga ingin untuk menyumbang dalam pembangunan negara. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, Rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak amat bersyukur kerana telah diberikan banyak peluang dalam menjawat jawatan persekutuan di kedua-dua negeri ini. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, masih terdapat banyak ruang di mana rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak dapat diberikan peluang untuk berkhidmat dan menyumbang kepada pembangunan negara dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak haruslah diberikan peluang untuk berkhidmat dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan."

(Perdana Menteri)

9. PR-1311-U53606

Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat ini mengambil maklum bahawa kebelakangan ini beberapa orang yang telah ditangkap dan ditahan di lokap untuk penyiasatan selanjutnya mati di lokap Polis dan ia adalah di bawah bidang kuasa Polis. Pada masa sekarang pihak Polis sendiri menyiasat salah guna kuasa mereka sendiri ini tidak membawa sebarang keyakinan kepada rakyat. Suatu Badan Kuasa Bebas perlu ditubuhkan seperti yang telah disyorkan supaya siasatan bebas terhadap pihak Polis boleh dilaksanakan. Badan yang dicadangkan adalah "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)".

Bahawa Dewan ini mengarahkan Kementerian Dalam Negeri melaksanakan dan menubuhkan "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)" dengan segera".

(Perdana Menteri)

10. PR-1311-U53671

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan dasar dan langkah-langkah yang sentiasa diambil untuk menjaga keutuhan negara Malaysia."

(Menteri Dalam Negeri)

11. PR-1311-U53672

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperdebatkan keadaan jenayah secara menyeluruh di negara ini."

(Menteri Dalam Negeri)

12. PR-1311-U53434

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat bersetuju supaya pilihan raya Kerajaan tempatan dipulihkan semula di seluruh negara termasuk pilihan raya Kerajaan Tempatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi menggantikan sistem lantikan Datuk Bandar dan Ahli-ahli Majlis kerana ia lebih berkesan untuk mewujudkan pentadbiran Kerajaan Tempatan yang adil, cekap dan akauntabiliti berbanding sistem sekarang."

(Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan)

13. PR-1311-U54335

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengambil tindakan terhadap Pengerusi dan Timbalan Pengerusi serta anggota Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang telah melakukan penipuan dalam PRU-13 dengan menggunakan dakwat kekal yang tidak kekal dan menjadikan PRU-13 sebagai tidak bersih."

(Perdana Menteri)

14. PR-1311-U54336

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan perlaksanaan dan operasi AES yang jelas hanya menguntungkan syarikat konsesi dan tidak menyelesai serta tidak mengurangkan kadar kemalangan di Malaysia."

(Menteri Pengangkutan)

15. PR-1311-U54337

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan pinjaman pendidikan PTPTN dan menyediakan pendidikan tinggi yang percuma untuk rakyat Malaysia. Pemansuhan PTPTN akan mengelakkan masyarakat Malaysia daripada beban hutang yang berpanjangan."

(Menteri Pendidikan)

16. PR-1311-U54338

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memastikan Rang Undang - Undang GST mesti ditolak, kerana GST akan menambah beban hidup rakyat. Perlaksanaan GST nanti adalah satu kezaliman pada rakyat Malaysia yang majoritinya berpendapatan rendah dan sederhana."

(Menteri Kewangan)

17. PR-1311-U54339

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengutuk sekerasnya kenyataan-kenyataan berbaur perkauman yang dikeluarkan oleh pimpinan parti politik dan media perkauman UMNO/BN seperti menyatakan keputusan PRU-13 adalah tsunami politik Cina dan 'apa lagi cina mau' adalah sesuatu yang tidak boleh diterima dan bertentangan dengan amalan demokrasi."

(Perdana Menteri)

18. PR-1311-U54341

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini meminta Kerajaan menurunkan harga minyak RON95 dari RM1.90 kepada RM 1.40 bagi meringankan beban hidup rakyat dan membolehkan lebihan pendapatan dalam poket serta mewujudkan pendapatan boleh guna rakyat.

"

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan)

19. PR-1311-U53963

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan Malaysian Association of Foreign Maid Agencies (PAPA) untuk menaikkan fi pengambilan pekerja kepada RM6700 oleh majikan dan RM1800 oleh pekerja domestik. Memorandum Persefahaman (MOU) yang ditandatangani Kerajaan Malaysia-Indonesia, yang menetapkan fi tetap pada RM4,511; RM2,711 dibayar oleh majikan dan RM1,800 oleh pekerja domestik jelas menunjukkan agensi pekerjaan mengaut keuntungan yang tinggi melalui pemerdagangan ini. Ia akan membawa kepada tangga gaji yang rendah kepada pekerja domestik untuk sekurang-kurangnya 6-9 bulan. Ianya juga bercanggah dengan Akta Pekerjaan (Artikel 24-8) yang menghalang majikan menolak gaji sehingga 50%. Ia juga bercanggah dengan Prosedur Operasi Piawai (Standard Operating Procedure) di bawah Akta Anti-Pemerdagangan Manusia di mana sekiranya gaji tidak dibayar untuk tiga bulan atau lebih, maka majikan boleh didakwa kerana eksloitasi."

(Menteri Sumber Manusia)

20. PR-1311-U53965

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan ini mendesak agar segala projek pembangunan yang dibina di kawasan Bukit Gasing dihentikan agar hakisan tanah dan penduduk di kawasan pinggir bukit tidak hidup dalam ketakutan setiap kali hujan turun."

(Menteri Wilayah Persekutuan)

21. PR-1311-U54604

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan untuk membenarkan keluarga mangsa yang mati dalam tahanan Polis Diraja Malaysia, memperoleh pakar perubatan forensik sendiri bagi menjalankan bedah siasat."

(Menteri Dalam Negeri)

22. PR-1311-U54605

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pendidikan agama diperkenalkan di sekolah kepada pelajar bukan Islam sebagai langkah untuk menerapkan nilai-nilai murni dan keagamaan di kalangan pelajar bukan Islam di dalam membendung gejala sosial yang kian meningkat dan berleluasa akibat daripada kegagalan sistem pendidikan di Malaysia."

(Menteri Pendidikan)